



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PERSIDANGAN ANTARABANGSA: SEJARAH KEDAH TUA
BERDASARKAN CATATAN YI-JING**

11 JULAI 2024 (KHAMIS)

9.30 PAGI

M RESORT & HOTEL, KUALA LUMPUR

Salam Sejahtera Selamat Pagi, dan *Zǎo shang hǎo (Selamat Pagi)*,

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Tahniah dan syabas diucapkan kepada **Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Arkib Negara Malaysia (ANM)** atas usaha menganjurkan **Persidangan Antarabangsa: Sejarah Kedah Tua Berdasarkan Catatan Yi-Jing** buat julung kalinya. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada **Persatuan Kebudayaan Han Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Jabatan Warisan Negara** dan semua jabatan serta persatuan yang terlibat dalam menganjurkan persidangan ini.
2. Saya amat berbesar hati dapat merasmikan majlis pada hari ini kerana perancangan program ini telah bermula sejak tahun 2023 dan **susulan lawatan kerja rasmi Kementerian Perpaduan Negara ke Negara China pada September 2023.**
3. Adalah menjadi harapan saya agar persidangan ini bukan sahaja menjadi satu medium perkongsian ilmu yang berwibawa tetapi juga menjadi **wahana yang membuka tirai sejarah, memperjuangkan warisan tinggalan Kedah Tua** sebagai sebuah peradaban yang hebat.

SEJARAH KEDAH TUA BERDASARKAN CATATAN YI-JING

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

4. **Sejarah Kedah Tua merupakan salah satu khazanah berharga negara kita.** Sebagai sebuah kerajaan purba yang pernah wujud di utara Semenanjung Malaysia, **Kedah Tua memainkan peranan penting dalam perkembangan tamadun awal di rantau ini.** Kewujudan catatan Yi-Jing, seorang pendeta dan sarjana Buddha dari Tanah Besar China yang melawat Asia Tenggara pada abad ke-7, telah memberikan kita gambaran yang sangat berharga tentang kehidupan masyarakat di Kedah Tua pada zaman tersebut.
5. Dalam catatannya, Yi-Jing menggambarkan **Kedah Tua sebagai pusat perdagangan yang maju dan masyarakatnya memiliki kebudayaan yang kaya dan unik.**
6. Persidangan ini dianjurkan bagi **menghimpunkan sejarahwan dari dalam dan luar negara untuk berkongsi dan membentangkan dapatan terkini berkaitan sejarah Lembah Bujang (Kedah Tua) menerusi sumber catatan Yi-Jing.**
7. Persidangan ini juga bertujuan untuk **melengkapkan sejarah negara secara lebih konkrit menerusi sebuah sumber luar yang diyakini kesahihannya.** Ini termasuk perbandingan secara lebih komprehensif berdasarkan penemuan terkini dalam bidang penyelidikan sejarah dan arkeologi negara.

ULANG TAHUN HUBUNGAN DIPLOMATIK KE-50 MALAYSIA - REPUBLIK RAKYAT CHINA

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian,

8. **Tanah Melayu melalui Kedah Tua telah pun mempunyai hubungan sosiopolitik sekian lama dengan Kerajaan China. Hubungan tidak rasmi ini berlanjutan hinggalah ke zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.**
9. Hubungan antara Malaysia dengan China terputus akibat Perang Dingin dan dasar penjajahan Barat yang menentang fahaman komunis. **Hubungan diplomatik moden yang lebih luas dan komprehensif bermula secara rasminya pada 31 Mei 1974, apabila satu perjanjian diplomatik telah ditandatangani oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan Zhou Enlai, Perdana Menteri China.** Malaysia menjadi negara ASEAN pertama yang menjalinkan kembali hubungan dengan China disaat negara itu disisihkan oleh dunia.
10. Pada tahun ini, **genaplah ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China.** Sejak terjalinnya hubungan diplomatik ini, Malaysia dan Republik Rakyat China telah **meneroka pelbagai bidang kerjasama** termasuklah **perdagangan, pelancongan, kebudayaan, pendidikan, kesihatan, dan sains dan teknologi.**

11. Selain itu, persidangan ini merupakan salah satu program yang diadakan **bersempena sambutan ke-50 Tahun Hubungan Diplomatik Malaysia-China** dan saya percaya hubungan diplomatik antara Malaysia dan China akan terus diperkukuhkan melalui program-program yang menjurus kepada budaya dan akademik.

MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dimuliakan sekalian,

12. **Muzium Arkeologi Lembah Bujang** merupakan satu-satunya Muzium di Malaysia yang mempamerkan koleksi arkeologi yang membuktikan kewujudan pusat perdagangan antarabangsa dan perkembangan agama Hindu Buddha di Asia Tenggara kurun ke 3 masehi hingga ke 12 masehi.
13. Artifak Arkeologi yang dipamerkan dalam Muzium ini merupakan bahan-bahan yang membuktikan bahawa **Lembah Bujang merupakan pelabuhan antarabangsa dan pusat perdagangan** yang telah dikunjungi oleh pedagang-pedagang yang menguasai jalan perdagangan laut antara negara-negara di timur dan barat terutama pedagang-pedagang China, India, Arab disamping pedagang-pedagang Melayu dari Kepulauan Melayu yang menguasai rempah ratus dan hasil hutan exotika untuk pasaran timur jauh sejak kurun ke 5.
14. Untuk makluman, Kementerian melalui Jabatan Muzium Malaysia telah menaiktaraf Galeri 2 Muzium Arkeologi Lembah Bujang yang

menekankan sejarah berhubung Lembah Bujang dan Kedah Tua. **Galeri 2 ini akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah dan dibuka kepada orang awam.**

15. **Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Muzium Malaysia dan Arkib Negara Malaysia merupakan dua agensi yang bertanggungjawab dalam menyelidik, mengumpul dan memelihara khazanah negara sama ada dalam bentuk bahan maujud, rekod, manuskrip dan lain-lain. Pengekalan bukti-bukti sejarah dan ketamadunan ini amat penting untuk diteruskan agar generasi masa hadapan kenal dan cintakan negara berdasarkan fakta sejarah.**
16. Selain daripada itu, kerajaan berhasrat **menyubur dan memperkukuh jati diri, semangat patriotisme, dan membentuk nilai teras asas dalam perpaduan seluruh rakyat Malaysia menerusi penghayatan terhadap warisan sejarah negara selaras dengan matlamat Dasar Perpaduan Negara.**

PENUTUP

17. Akhir kata, saya percaya persidangan hari ini akan dapat membawa **manfaat yang berkekalan kepada pemahaman dan penghormatan terhadap sejarah Kedah Tua berdasarkan Catatan Yi-Jing.** Saya berharap hubungan dan kolaborasi yang terjalin di sini akan terus berkembang dan memberi manfaat kepada kedua-dua negara untuk terus saling berkongsi ilmu pengetahuan untuk bersama-sama maju ke hadapan.

18. Dengan sukacitanya saya merasmikan **Persidangan Antarabangsa: Sejarah Kedah Tua Berdasarkan Catatan Yi-Jing.**

Sekian, terima kasih.